

10 OCT 1996

UMNO-MT (Reaksi)

KEPUTUSAN PEMILIHAN ANGGOTA MT UMNO CERMIN PENOLAKAN POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Keputusan pemilihan anggota Majlis Tertinggi Umno hari ini menjadi petunjuk bahawa anggota perwakilan menerima baik saranan Presiden parti supaya mereka menolak pemimpin yang terlibat dengan politik wang, kata anggota MT, Datuk Tajol Rosli Ghazali.

"Nasihat Presiden nampaknya diterima dengan baik dan bukan sekadar "masuk telinga kiri keluar telinga kanan" seperti yang dianggap oleh sesetengah pihak," katanya yang turut tersenarai 25 orang anggota MT yang dipilih.

Beliau berkata calon MT yang mempunyai latar belakang agama termasuk anggota Exco kerajaan negeri Terengganu Datuk Dr Yusof Nor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman merupakan antara 10 calon yang mendapat jumlah undi yang banyak.

Tajol Rosli, yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata larangan berkempen dan nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak membantu calon-calon yang tidak berkempen.

Dr Abdul Hamid yang memperolehi undi terbanyak berkata para perwakilan telah membuat satu pilihan yang merangkumi pelbagai portfolio dalam kerajaan dan parti.

Dr Mahathir pada ucapan dasar pagi ini menumpukan kepada bahaya politik wang dan perlunya anggota perwakilan menolaknya bagi menjamin parti terus bersih dan kukuh bagi melaksanakan perjuangan parti yang belum selesai.

Abdul Hamid berkata keputusan pemilihan MT mencerminkan perwakilan mahukan satu barisan pemimpin yang dapat menyokong perjuangan Presiden dalam menjayakan agenda utama parti untuk membanteras gejala politik wang yang semakin berleluasa.

Abdul Hamid yakin barisan yang merangkumi orang lama dan muka baru dapat memperkukuh perjuangan parti ke arah meningkatkan martabat orang Melayu, agama dan negara.

Abdul Hamid menyambut baik kemasukan semula Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai Naib Presiden kerana pengalamannya yang luas dapat membantu memperkemas lagi barisan parti.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang berjaya mempertahankan kerusi anggota MT berkata beliau akan turun ke bawah untuk menjelaskan kepada anggota akar umbi tentang bahayanya politik wang.

Abdul Kadir juga yakin barisan baru pucuk pimpinan Umno itu akan dapat membantu pucuk pimpinan parti membanteras politik wang serta mengembalikan semula budaya Melayu dalam parti.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam berkata terpilihnya tiga wakil dari Sabah -- bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said Keruak, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Shafie Apdal dan beliau sendiri

-- menunjukkan perwakilan mahukan Umno negeri itu memainkan peranan yang lebih berkesan di peringkat pusat.

Osu berkata perwakilan tidak memilih bulu dalam menentukan pucuk pimpinan parti daripada segi sama ada calon itu dari Sabah atau Semenanjung.

"Ini menunjukkan Umno Sabah diterima oleh semua peringkat," katanya.

Beliau percaya barisan Umno akan rapat semula selepas ini kerana semua anggota parti sedar tentang perjuangan parti yang masih jauh.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman yang terpilih semula berkata kepercayaan yang diberikan oleh perwakilan terhadapnya akan menjadi

tunggak bagi beliau menjalankan tanggungjawab parti dengan "betul dan benar."

Abdul Ghani yang mendapat 1,486 undi berkata kepercayaan itu juga akan meningkatkan komitmennya terhadap parti.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang menang jawatan dalam MT dengan memperolehi 1,428 undi, berkata beliau berasa bangga mendapat tempat keempat dalam senarai.

"Saya tidak sangka akan memenangnya, apatah lagi antara tempat teratas," kata beliau dan berjanji akan memberikan kerjasama kepada pucuk pimpinan serta anggota MT lain bagi melihat parti terus mantap.

Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik yang gagal mempertahankan kerusi itu menerima kekalahannya sebagai "adat dalam pertandingan."

"Dulu saya menang tetapi sekarang kalah...bagi saya tidak ada masalah," katanya. -- BERNAMA

TEAM NMO